

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
(BAGAN SERAI)**

**TARIKH : 10 NOV 2016  
(KHAMIS)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha Kerajaan terkini untuk membantu kehidupan dan masa depan pesara tentera yang dulunya bermati-matian untuk menjaga keamanan Negara.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha dari semasa ke semasa untuk memberi bantuan yang sewajarnya dalam membela nasib golongan Veteran ATM yang telah menyumbang bakti dan melakukan pengorbanan besar untuk Negara.

Bagi merealisasikan hasrat membela nasib golongan veteran ATM yang berpencen mahupun tidak berpencen, pelbagai bentuk bantuan telah disediakan bagi membantu Veteran ATM yang layak menerimanya dan diselaraskan di bawah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV). Antara bantuan-bantuan yang dilaksanakan adalah:

- a. Skim Bantuan Kebajikan Dan Pendidikan adalah seperti Bantuan Sara Hidup, Bantuan kemasukan ke Universiti Awam, Bantuan Persekolahan, Bantuan Peralatan Pesakit; dan Bantuan Bencana Alam.
- b. Kemudahan Rawatan dan Faedah Perubatan yang diberikan secara percuma di hospital atau klinik kerajaan yang dinikmati oleh veteran dan balu/ waris dan juga dipanjangkan

kepada Veteran ATM yang tidak berpendapatan serta orang tanggungan mereka yang layak.

c. Pembangunan Kerjaya Dan Sosioekonomi. Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan 1MVRP (NBOS-7) bertujuan untuk membantu golongan veteran. Antara inisiatif berkenaan seperti Program Membaikpulih dan Bina Baru Rumah Veteran 1Malaysia kepada veteran yang miskin dan daif. Program Penempatan Kerja untuk Veteran ATM, Bantuan Keusahawanan, Program Keluarga Veteran 1Malaysia, Pusat Sehenti Veteran 1Malaysia, Kad Privilege 1Malaysia dan Meningkatkan Penerimaan Latihan PERHEBAT oleh Industri.

d. Faedah Kecederaan dan Kematian turut diberikan kepada anggota yang cedera dan waris anggota yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas melalui bantuan di bawah Tabung Amanah Perwira Dan Pertahanan Negara (TAPPN) serta Skim Faedah Kematian dan Hilang Upaya LTAT. Manakala bagi kes kematian pula, Kerajaan menyediakan kemudahan mengurus jenazah bagi anggota dan pesara ATM yang meninggal dunia.

Bantuan ini turut dipanjangkan kepada waris tentera dan Veteran ATM tidak berpencen.

e. Pelaksanaan Program Latihan Peralihan ATM yang memberi peluang kepada bakal pesara ATM mengikuti Latihan Peralihan dalam pelbagai kemahiran seperti Kursus Vokasional dan Teknikal, Latihan dan Kursus Pertanian dan Ternakan, dan Latihan Bidang Pengurusan.

f. Program Pembangunan Sosio Ekonomi Veteran ATM Tidak Berpencen (PPSEV ATM TB) yang disediakan bagi membantu veteran ATM tidak berpencen meningkatkan sosio ekonomi mereka melalui latihan berbentuk kemahiran (*hardskill*) dan pengetahuan (*softskill*). Program bimbingan (*coaching*), khidmat nasihat (*mentoring*) dan penyeliaan (*supervising*) juga turut diberi mengikut keperluan.

g. Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPMUV ATM) yang disediakan bagi membantu Usahawan Veteran ATM yang mengusahakan perniagaan berskala kecil dan sederhana.